

# Malam Penghargaan UMSKAL hari ini

UB 20.10.2012 AB

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan Malam Penghargaan Graduan (MPG) 2012 yang akan berlangsung di Hotel Palace, Kota Kinabalu, pada hari ini (20 Okt).

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, majlis itu diadakan seiring dengan penganjuran Majlis Konvokesyen UMS yang ke-14.

“Majlis ini bertujuan untuk meraikan kejayaan graduan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini,” katanya.

Beliau yang juga Dekan SSIL berkata, beberapa anugerah turut akan disampaikan sebagai tanda penghormatan kepada para graduan yang telah memperoleh kecemerlangan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

Tambahnya, majlis itu juga bagi memberi dorongan untuk membangkitkan semangat daya saing dalam kalangan para pelajar yang masih meneruskan pengajian di UMSKAL.

Sebanyak 42 anugerah akan disampaikan kepada para graduan yang terpilih di majlis yang telah menjadi acara tahunan kampus berkenaan.